

# Proton tiada halangan jual saham kepada VW

## Dr Mahathir mahu syarikat kekal entiti nasional sebagai syarat

Oleh **Magendran Rajagopal**

**K**UALA LUMPUR: Proton tidak mempunyai halangan untuk menjual sahamnya kepada pengeluar kereta terbesar Eropah, Volkswagen AG (VW), asalkan syarikat itu kekal sebagai entiti nasional, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Proton kata asalkan dia masih syarikat nasional, tidak ada masalah. Banyak mana (saham yang hendak dibeli) saya tak tahu," kata bekas Perdana Menteri yang juga Penasihat Proton.

Beliau yang ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Uzbekistan, Islam Karimov, di sini semalam, berkata demikian ketika diminta mengulas me-

ngenai kemungkinan VW membeli kepentingan Proton.

Kelmarin, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilaporkan berkata kerajaan yang menguasai Proton menerusi Khazanah Holdings Bhd mahu isu rakan strategik asing bagi Proton diselesaikan secepat mungkin, diharapkan menjelang akhir tahun ini.

Perdana Menteri dalam temu bual dengan *Bloomberg*, bagaimanapun berkata, kerajaan mahu Proton kekal sebagai pengeluar kereta nasional.

VW yang berpangkalan di Wolfsburg, Jerman dikatakan akan membeli sehingga 30 peratus kepentingan dalam Proton dengan bayaran sehingga RM10 sesaham atau RM1.65 bilion.

Mengenai isu permit import (AP), Dr Mahathir berharap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Indus-

tri, Datuk Seri Rafidah Aziz, mendedahkan semua maklumat diminta pelbagai pihak berhubung isu itu.

Isu AP terus menjadi bahan pertikaian termasuk pada sidang Dewan Rakyat yang sedang berlangsung, sejak Dr Mahathir menimbulkan beberapa persoalan berkaitan pemberian AP, Mei lalu.

Semalam, Rafidah memberi penjelasan berhubung isu itu di Dewan Rakyat selepas diarahkan Kabinet menjawab sendiri segala persoalan Ahli Parlimen termasuk mengenai rasional di sebalik pendedahan senarai nama Ahli Parlimen yang menerima AP pada 20 September lalu.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, dalam perbincangannya dengan Karimov, beliau mencadangkan perlunya kedua-dua negara mengadakan

kerjasama erat dan pertukaran maklumat.

Katanya, Uzbekistan kini sedang membangunkan projek landasan kereta api menghubungkan negara itu dengan China dan Karimov menaruh harapan tinggi terhadap Malaysia dalam Projek Landasan Kereta Api Trans-Asia yang menghubungkan Kunming, China melalui Singapura.

Dr Mahathir juga berkata, Uzbekistan mempunyai potensi besar dalam industri pelancongan kerana negara itu menempatkan banyak bangunan bersejarah dalam tamadun Islam.

Karimov bersama isterinya, Tatyana Akbarovna Karimova dan 18 anggota delegasi memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia, kelmarin.



*"Kerajaan mengumumkan mahu lebih telus. Bila Pak Lah mengambil alih, beliau memaklumkan kerajaan mahu menjadi lebih telus. Saya harap Rafidah akan mendedahkan semuanya"*

Dr Mahathir Mohamad  
Bekas Perdana Menteri